



**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 1 – SESSION 2019 / 2020  
PROGRAM KERJASAMA PPK**

COURSE CODE : UHAK 1122  
KOD KURSUS

COURSE NAME : MALAYSIAN STUDY 2  
NAMA KURSUS : PENGAJIAN MALAYSIA 2

YEAR / PROGRAMME : YEAR ONE  
TAHUN / PROGRAM : TAHUN SATU

DURATION : 2 HOURS / 2 JAM  
TEMPOH

DATE : NOVEMBER 2019  
TARIKH

INSTRUCTION/ARAHAN :

**PART A : BAHAGIAN A :**

- i) Answer **ALL** questions in the **OMR** form provided  
*Jawab **SEMUA** soalan di dalam borang **OMR** yang disediakan*

**PART B : BAHAGIAN B :**

- ii) Answer **ALL** questions in the answer **booklet(s)** provided.  
*Jawab **SEMUA** soalan di dalam **buku jawapan** yang disediakan.*

( You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script )  
( *Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan* )

STUDENT'S NAME / NAMA PELAJAR	:	.....
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:	.....
YEAR / PROGRAMME TAHUN / PROGRAM	:	.....
COLLEGE'S NAME NAMA KOLEJ	:	.....



**PUSAT PROGRAM KERJASAMA**

**PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK  
ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK**

**1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN**

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan makluman yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

**2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN**

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
- 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

**Bahagian A : (40 Markah)**

Jawab Semua Soalan di dalam borang OMR yang disediakan.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Agama?

- A. Agama boleh ditakrifkan sebagai hubungan antara manusia dengan yang Maha Kuasa (Tuhan) yang akhirnya mewujudkan pergantungan manusia kepada yang Maha Kuasa.
- B. Agama merupakan identiti kelompok.
- C. Agama membantu manusia untuk mengenal Tuhan, tetapi juga memberi kesejahteraan hidup.
- D. Dari perspektif Antropologi, agama merupakan set peraturan yang mengatur hubungan manusia dengan kuasa ghaib, khususnya dengan Tuhan.

2.

Hari Raya Aidiladha dikenali Hari Raya Korban atau hari Raya Haji, pada hari itulah umat manusia Islam disunatkan berkorban, iaitu menyembelihkan unta, lembu, kerbau, kambing atau biri-biri.

Berdasarkan pernyataan di atas, Bilakah perayaan ini disambut oleh umat Islam ?

- A. 21 Ramadan
- B. 10 Zulhijah
- C. 11 Muharam
- D. 1 Syawal

3. Siapakah pengasas ajaran Buddha?

- A. Siddhartha Gautama
- B. Buddha Theravada
- C. Arya
- D. Samhita

4. Di Malaysia, ajaran Buddha telah dianuti oleh masyarakat Cina merangkumi ?\_ jumlah penduduk:

- A. 20%
- B. 30%
- C. 40%
- D. 50%

5. Berikut adalah kepentingan beragama;
- I. Agama menyatupadukan masyarakat meningkatkan semangat nasionalisme.
  - II. Agama menjadi sumber pertahanan.
  - III. Agama menentukan tradisi dan nilai serta nilai hidup masyarakat.
  - IV. Agama menjadi alat perpaduan.
- A. I, II dan III
  - B. I, III dan IV
  - C. I, II dan IV
  - D. Semua di atas.
6. Agama Islam telah dibawa ke Tanah Melayu melalui beberapa kaedah berikutkecuai;
- A. Peranan pemerintah
  - B. Perdagangan.
  - C. Perkahwinan
  - D. Peranan penghulu daerah.
7. Batu Bersurat Terengganu telah ditemui di \_\_\_\_\_ sebagai bukti ajaran Islam telah berkembang di Tanah Melayu.
- A. Pantai Klebang, Melaka
  - B. Kuala Berang, Terengganu
  - C. Pantai Morib, Selangor
  - D. Pantai Merdeka, Kuala Muda Kedah
8. Dalam hubungan manusia dengan Tuhan Allah SWT telah menciptakan segala-galanya untuk kebahagiaan manusia. Apakah tujuan manusia dicipta?
- A. Untuk menjadi pengembara Ilmu Agama.
  - B. Menjadi hamba diri kepada Allah untuk beribadat.
  - C. Menjadi wira Negara Bangsa.
  - D. Menjadi ahli Falsafah bagi dunia Islam.

Ajaran ini paling awal tiba di Alam Melayu.

9. Berdasarkan pernyataan di atas ajaran ini merujuk kepada ajaran;

- A. Hindu.
- B. Buddha.
- C. Islam.
- D. Kristian.

- Atharva
- Brahmanas
- Aranyakas
- Upanishads

10. Pernyataan di atas merujuk kepada:

- A. Tiga Permata.
- B. Kitab Veda.
- C. Mahzab Buddha Mahayana.
- D. Buddha Theravada.

11. Rumah ibadat bagi penganut Hindu dikenali sebagai;

- A. Gudwara.
- B. Tokong.
- C. Masjid.
- D. Kuil.

12. Kebebasan beragama yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada;

- A. Perkara 10
- B. Perkara 11
- C. Perkara 12
- D. Perkara 13

13. Simbol kesucian bagi penganut agama Kristian adalah;
- A. Bulan Sabit.
  - B. Salib.
  - C. Gelang.
  - D. Locket.
14. Sultan merupakan ketua agama bagi setiap negeri manakala YDPA ialah ketua agama bagi negeri yang tidak mempunyai Sultan. Berikut adalah negeri yang tidak mempunyai Sultan **kecuali**;
- A. Putrajaya.
  - B. Labuan.
  - C. Sabah.
  - D. Perlis.
15. Berikut adalah perayaan-perayaan penting bagi masyarakat Cina **kecuali**;
- A. Chap Goh Meh.
  - B. Perayaan Ching Ming.
  - C. Perayaan Hantu Lapar.
  - D. Thai Ponggal.
16. Pembentukan Malaysia pada tahun 1963 sebagaimana yang dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman melibatkan negeri-negeri berikut, **kecuali**;
- A. Tanah Melayu.
  - B. Sabah dan Sarawak.
  - C. Singapura.
  - D. Brunei.
17. Pilih pernyataan **tidak benar** mengenai Suruhanjaya Cobbold.
- A. Diketuai oleh Lord Cobbold
  - B. Tujuan pembentukannya adalah meninjau pendapat penduduk Sabah & Sarawak
  - C. 80% penduduk Sabah dan Sarawak menyokong pembentukan Malaysia.
  - D. Membentuk atau menggubal Perlembagaan Persekutuan.

18. Parti Rakyat Brunei di bawah pimpinan A.M Azahari menentang cadangan pembentukan Malaysia kerana ingin:

- A. membentuk sebuah negara Republik.
- B. membentuk sebuah kerajaan Kalimantan Utara yang mengandungi Brunei, Sabah dan Sarawak.
- C. mencapai kemerdekaan sendiri.
- D. mengekalkan pemerintahan British di Brunei.

19. Singapura dikeluarkan daripada Persekutuan Malaysia pada tahun 1965 kerana faktor;

- A. politik
- B. ekonomi
- C. sosial
- D. agama dan bahasa

20. Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963 adalah berdasarkan kepada;

- A. Perlembagaan Malayan Union.
- B. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- C. Perlembagaan Tanah Melayu 1957.
- D. Laporan Suruhanjaya Cobbold.

21. Gagasan Malaysia telah ditentang hebat oleh Indonesia di bawah pimpinan Sukarno kerana:

- A. menganggap ia akan mengancam keselamatan negara Indonesia.
- B. menganggap ia sebagai satu penjajahan bentuk baharu.
- C. menganggap ia akan menghalang pembentukan Indonesia Raya
- D. menganggap Tanah Melayu mempunyai kepentingan politik dan ekonomi di sebaliknya.

22. Negara yang **tidak** menentang pembentukan Malaysia 1963 ialah;

- A. Singapura
- B. Brunei
- C. Indonesia
- D. Filipina

23. Pemerintahan Indonesia yang kuat menentang Gagasan Malaysia ialah;

- A. Subandrio.
- B. Sukarno.
- C. Macapagal.
- D. A.M. Azahari.

24. MAPHILINDO ditubuhkan untuk menyelesaikan dan mendamaikan pihak-pihak yang tidak puas hati terhadap penubuhan Malaysia. Negara-negara yang terlibat dalam MAPHILINDO ialah;

- I Malaysia
- II Indonesia
- III Brunei
- IV Filipina

- A. I, II dan III.
- B. I, II dan IV.
- C. II, III dan IV.
- D. Semua di atas

8

25. Penubuhan Malaysia pada 16 September 1965 mengandungi negara berikut iaitu;

- I Tanah Melayu
- II Singapura
- III Sabah
- IV Sarawak

- A. I dan II.
- B. I, II dan IV.
- C. II, III dan IV.
- D. Semua di atas

8

26. Isu utama yang memaksa Brunei menarik diri daripada menyertai Persekutuan Malaysia ialah;

- A. air.
- B. minyak.
- C. timah.
- D. emas.



Salah satu objektif penubuhan Malaysia adalah untuk membebaskan beberapa buah negara yang masih berada di bawah penjajahan British. Terdapat beberapa buah Negeri yang masih belum mendapat merdeka pada ketika itu. Sekiranya negeri ini tidak mengambil peluang yang ditawarkan oleh Tunku Abdul Rahman kali ini pastinya peluang untuk mendapatkan kemerdekaan adalah tipis.

27. Berdasarkan pernyataan di atas ia merujuk kepada negeri;

- I Sabah
- II Sarawak
- III Brunei
- IV Singapura

- A. I dan II.
- B. I, II dan III.
- C. II, III dan IV
- D. Semua di atas

28. Keengganan Brunei menganggotai Persekutuan Malaysia 1963 disebabkan oleh beberapa tuntutan Brunei yang tidak dipersetujui oleh pemerintah Tanah Melayu seperti berikut **kecuali**:

- A. Brunei hanya diberi 10 buah kerusi Parlimen.
- B. Menguasai kesemua hasil minyak.
- C. Meminta agar kekuasaan baginda dalam Majlis Raja-Raja dikira daripada tarikh baginda menjadi sultan dan bukannya tarikh kemasukan Brunei ke dalam Malaysia.
- D. Ingin membentuk kerajaan Kalimantan Utara.

29. Berikut merupakan faktor dan pandangan Tunku Abdul Rahman dalam pembentukan Malaysia **kecuali**;

- A. Menyekat pengaruh komunis di Singapura.
- B. Mempercepatkan kemerdekaan dan memajukan ekonomi Sabah dan Sarawak.
- C. Mengimbangi komposisi kaum antara Melayu dengan Cina.
- D. Untuk menarik perhatian dan sokongan negara luar terhadap beliau.

30. Pilih kenyataan **benar** mengenai Suruhanjaya Cobbold.

- I Suruhanjaya ini ditubuhkan untuk meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah.
- II Ia dipengerusikan oleh Lord Cobbold.
- III Lebih 70% penduduk kedua-dua buah negeri tersebut bersetuju.
- IV Mendapat tajaan daripada pemerintah.

- A. I dan II.
- B. I, II dan III.
- C. I, II dan IV.
- D. Semua di atas

31. Parlimen Malaysia mengandungi komponen-komponen berikut **kecuali**;

- A. YDPA.
- B. Dewan Negara.
- C. Dewan Rakyat.
- D. Timbalan Menteri.

32. Berikut adalah tugas Yang Di Pertuan Agong (YDPA) mengikut budi bicaranya sendiri **kecuali**:

- A. Pelantikan Perdana Menteri.
- B. Membubarkan persidangan Parlimen.
- C. Melantik ahli-ahli rasmi Dewan Negara.
- D. Memanggil Majlis Raja-Raja untuk bermesyuarat.

33. Badan kehakiman mempunyai kuasa dalam:

- A. mentafsir dan menguatkuasakan perlembagaan,
- B. menjatuhkan hukuman bagi pesalah-pesalah.
- C. menjalankan dasar-dasar kerajaan.
- D. menguatkuasakan undang-undang negara.

34. Pernyataan manakah **tidak benar** mengenai Dewan Negara?

- A. Membahaskan rang undang-undang
- B. Ahli Dewan Negara mesti berumur 30 tahun ke atas
- C. Meminda dan menolak rang undang-undang.
- D. Menangguhkan rang undang-undang

35. Senarai dibawah merujuk kepada tugas-tugas yang dijalankan oleh Yang Di Pertuan Agong (YDPA) **kecuali**;
- A. Tugas mengikut budi bicara.
  - B. Memperkenalkan rang undang-undang.
  - C. Pengisytiharan darurat.
  - D. Membuat undang-undang.
36. Perlantikan Yang di-Pertuan Agong dipilih dan diundi melalui;
- A. Majlis Raja-Raja.
  - B. Wakil yang dilantik oleh kerajaan negeri.
  - C. Perdana Menteri.
  - D. Menteri-menteri Kabinet.
37. Pilih pernyataan **tidak benar** mengenai Kabinet/Jemaah Menteri.
- A. Merupakan badan tertinggi yang menjalankan kuasa Eksekutif.
  - B. Mengandungi seorang Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang lain.
  - C. Setiausaha Kabinet ialah Ketua Setiausaha.
  - D. Kabinet berkuasa membuat undang-undang.
38. Tahap umur seseorang yang layak menjadi ahli Dewan Rakyat ialah;
- A. 21 tahun ke atas.
  - B. 31 tahun ke atas.
  - C. 41 tahun ke atas.
  - D. 50 tahun ke atas.
39. Manakah **bukan** bidang tugas Majlis Raja-Raja (MRR)?
- A. Memilih YDPA dan Timbalan YDPA.
  - B. Memberi persetujuan atau penolakan tentang adat istiadat Melayu.
  - C. Pengisytiharan darurat.
  - D. Memberi nasihat tentang pelantikan mana-mana jawatan yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja.
40. Pernyataan manakah **tidak benar** mengenai keahlian Dewan Rakyat?
- A. Ahli Dewan Rakyat dipilih melalui pilihan raya mewakili kawasan pilihan raya di seluruh Malaysia.
  - B. Seseorang ahli hanya mewakili sebuah kawasan pilihan raya, tetapi ada juga beberapa orang mewakili dua buah kawasan pilihan raya, iaitu kawasan pilihan raya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.
  - C. Tempoh jawatan ahli Dewan Rakyat akan tamat apabila Parlimen telah dibubarkan.
  - D. Tidak boleh meletak jawatan.

41. Berikut adalah perkara-perkara yang boleh menyebabkan seorang ahli Dewan Undangan Negeri, hilang kelayakan **kecuali**:

- A. dia didapati / diisytiharkan sebagai seorang yang tidak sempurna akal.
- B. dia seorang bankrap yang belum dilepaskan
- C. dia memegang jawatan berpendapatan
- D. berkahwin dengan warga asing.

42. Ketua bagi negeri yang tidak mempunyai Sultan / Raja dikenali sebagai;

- A. Ketua Menteri.
- B. Yang di-Pertuan Agong.
- C. Yang Dipertua Negeri.
- D. Raja.

43. Tujuan doktrin pengasingan kuasa diperkenalkan adalah;

- I mengelakkan pemusatan kuasa oleh pihak-pihak tertentu
- II mengelakkan daripada berlakunya pemerintahan kuku besi
- III mengelakkan daripada berlakunya penentangan rakyat terhadap pemerintah
- IV menyelaraskan pentadbiran negara

- A. I dan II.
- B. I, II dan III.
- C. I, II dan IV.
- D. Semua di atas

44. Pilihan Raya dianggap sebagai asas kepada sistem demokrasi kerana;

- I Pemimpin dilantik oleh rakyat melalui pilihan raya.
- II Rakyat diberi peluang untuk memilih pemimpin.
- III Semua orang diberi peluang untuk menjadi calon.
- IV Pilihan Raya diadakan lima tahun sekali.

- A. I dan II.
- B. I, II dan III.
- C. II, III dan IV.
- D. Semua di atas

45. Badan Eksekutif di peringkat negeri terdiri daripada;

- I Sultan
- II Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
- III Menteri Besar
- IV Timbalan Perdana Menteri

- A. I dan II.
- B. I, II dan III.
- C. II, III dan IV.
- D. Semua di atas

46. Matlamat utama penubuhan Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah;

- I. Perpaduan negara.
- II. Membasmi kemiskinan.
- III. Menyusun semula masyarakat.
- IV. Menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

- A. I & II.
- B. II & III.
- C. I & IV.
- D. Semua di atas

47. Pilih pernyataan **tidak benar** mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB).

- A. Diperkenalkan ekoran peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969.
- B. Dilancarkan oleh kerajaan Malaysia melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) antara tahun 1971-1990.
- C. Digubal untuk memperbaiki jurang sosioekonomi antara kaum Bumiputera dengan bukan Bumiputera.
- D. Menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri.

48. Strategi yang ditekankan dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN) adalah seperti berikut **kecuali**;

- A. Menjadikan sains dan teknologi sebagai teras utama dalam pembangunan ekonomu negara.
- B. Memperkukuh integrasi nasional.
- C. Menumpukan kepada pembangunan kawasan bandar.
- D. Mengimbangi pembangunan negara dengan alam sekitar.

49. Manakah pernyataan yang **tepat** mengenai strategi perlaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan?

- A. Menjadikan Bahasa Kebangsaan (Melayu) sebagai bahasa pengantar yang sama di semua sekolah.
- B. Mengadakan kurikulum yang berorientasikan majoriti kaum sesebuah sekolah.
- C. Memperluaskan konsep sekolah wawasan di setiap daerah.
- D. Mengadakan sistem peperiksaan yang berbeza antara sekolah kebangsaan dengan sekolah vernakular.

50. Berikut adalah jenis - jenis sekolah yang terdapat semasa penjajahan British di Tanah Melayu.

- I. Sekolah Melayu.
- II. Sekolah Cina.
- III. Sekolah Tamil.
- IV. Sekolah Inggeris.

- A. I, II & III.
- B. I, III & IV.
- C. II, III & IV.
- D. Semua di atas

51. Dasar Kebudayaan Kebangsaan menekankan tiga prinsip sebagai asas pembentukannya **kecuali**;

- A. Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.
- B. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima.
- C. Unsur-unsur kebudayaan asing yang popular mengikut peredaran zaman.
- D. Islam menjadi unsur penting.

52. Penyata Razak 1956 telah disemak oleh sebuah Jawatankuasa lalu memperkenalkan laporan baharu pada tahun 1960. Laporan ini dikenali sebagai;

- A. Laporan Rahman Talib.
- B. Laporan Barnes.
- C. Laporan Cheeseman.
- D. Laporan Fenn-Wu.

53. Pilih pernyataan paling **tepat** corak dasar luar pemerintahan Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman (1957-1970)?

- A. Mengadakan lebih banyak hubungan diplomatik dengan semua negara tanpa mengira ideologi.
- B. Lebih bercorak pro-Barat dan anti-Komunis.
- C. Berdasarkan kerjasama pertahanan dan keselamatan negara.
- D. Mementingkan hubungan ekonomi dan mengekalkan dasar-dasar sebelumnya.

54. Faktor yang mempengaruhi pembentukan Dasar Luar Malaysia ialah;

- I. politik.
  - II. keselamatan.
  - III. ekonomi.
  - IV. bahasa.
- A. I, II & III.
  - B. I, III & IV.
  - C. II, III & IV.
  - D. Semua di atas

55. Organisasi ini ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 dan ianya merupakan cadangan Tunku Abdul Rahman. Sehingga kini pertubuhan ini dianggotai oleh 10 buah

Pernyataan di atas merujuk kepada penubuhan;

- A. ASEAN
- B. PBB
- C. OIC
- D. AFTA

Soalan 56 berdasarkan gambar rajah di bawah:



56. Logo di atas merujuk pertubuhan;

- A. NAM
- B. ASEAN
- C. OIC
- D. KOMANWEL

57. Dasar Hubungan ntarabangsa di Malaysia dikendalikan oleh;

- A. Jabatan Kerjasama Luar Negara.
- B. Majlis Keselamatan Negara.
- C. Kementerian Luar Negeri.
- D. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

58. Negara manakah yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia?

- A. Korea Utara.
- B. Vietnam.
- C. Afrika Selatan.
- D. Israel.

59. Pada peringkat awal pembentukannya, ASEAN terdiri daripada lima buah negara anggota, iaitu
- A. Malaysia, Filipina, Indonesia, Singapura dan Brunei.
  - B. Malaysia, Filipina, Indonesia, Singapura dan Thailand.
  - C. Brunei, Malaysia, Filipina, Indonesia dan Vietnam.
  - D. Vietnam, Singapura, Thailand, Kemboja dan Myanmar.
60. Manakah antara berikut matlamat penubuhan *Organisation of Islamic Cooperation* atau Pertubuhan Negara-negara Islam?
- A. Bersetuju menjadikan rantau ini sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN).
  - B. Mempromosi pelaburan dan perdagangan dengan negara-negara asing.
  - C. Menyokong perjuangan rakyat Palestin.
  - D. Berusaha mencari jalan melunaskan hutang-hutang negara membangun.

~~~~SOALAN OBJEKTIF TAMAT~~~~  
~~SILA LIHAT BAHAGIAN BERIKUTNYA~~



**BAHAGIAN B: (20 Markah)**

Jawab Semua Soalan di dalam buku jawapan yang di sediakan.

1. Melaka pernah di gelar sebagai "*Venice of The East*" ketika zaman keemasnya pada abad ke-15. Huraikan faktor - faktor yang membawa zaman kegemilangan Melaka pada ketika itu?

(6 Markah)

2. Pelaksanaan Sitem Residen membolehkan British lebih berkuasa terhadap Negeri-negeri Melayu. Jelaskan kesan-kesan pelaksanaan Sistem Residen ke atas Negeri-negeri Melayu dalam aspek ekonomi, politik dan sosial.

(6 Markah)

3. Terangkan secara ringkas konsep – konsep yang berikut :

- a) Perlembagan Tidak Bertulis.
- b) Perlembagaan..

(2 Markah)

4. Bincangkan Hak Istimewa orang Melayu sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

(6 Markah)

~~SOALAN TAMAT~~

*Selamat Berjaya*

**Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong**

*[ This page is purposely left blank ]*

